

31 OCT 1999

DR MAHATHIR PEMIMPIN ISTIMEWA, RAKYAT PERLU SYUKUR -- LING

PULAU PINANG, 31 Okt (Bernama) -- Rakyat Malaysia perlu bersyukur kerana mempunyai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin kerana beliau seorang yang istimewa, bijak, rajin dan berpandangan jauh, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

"Kita bernasib baik kerana Perdana Menteri masih sihat untuk terus memimpin negara," katanya ketika merasmikan mesyuarat agung ke-23 Gerakan Belia Bersatu Malaysia di sini hari ini.

Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, Dr Mahathir adalah contoh pemimpin terbaik di dunia ini yang mengambil langkah-langkah berani bagi membawa negara keluar daripada pelbagai masalah ekonomi dan politik.

Katanya, rakyat Malaysia sudah matang dan boleh memilih pemimpin berdasarkan rekod perkhidmatan mereka dalam memajukan serta mengekalkan keamanan negara.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas itu, Ling berkata manifesto bersama empat parti pembangkang yang menamakan pakatan mereka Barisan Alternatif, adalah kucar-kacir dan tidak mempunyai keselarasan.

Katanya, rakyat sukar menerima manifesto seumpama itu kerana ternyata parti-parti pembangkang itu yang terdiri daripada PAS, DAP, Kadilan dan Parti Rakyat Malaysia bertelagah sesama sendiri.

Sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang, pakatan itu baru-baru ini mengumumkan manifesto bersama yang tidak menyentuh mengenai penubuhan sebuah negara Islam, satu isu utama yang diperjuangkan oleh PAS tetapi yang dibantah oleh DAP.

-- BERNAMA

SA MAI